

Rahsia



Cetakan 2017

Hak cipta terpelihara @2017 Pusat Bahasa Melayu Singapura, Akademi Guru Singapura, Kementerian Pendidikan Singapura. Tidak dibenarkan mengulang cetak atau menerbitkan semula mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada pemilik hak cipta buku ini.

ISBN: 978-981-11-1615-5

Diterbitkan oleh:

Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura
Lelaman Internet: www.malaylanguagecentre.moe.edu.sg



Dicetak pada tahun 2017 oleh:

Oxford Graphic Printers Pte Ltd
Tel: 6748 3898
www.oxfordgraphic.com.sg

Penulis

Arfah Buang, Sekolah Sains dan Teknologi, Singapura
Hidayat Hamzah, Sekolah Rendah Gan Eng Seng
Khaziah Yem, Sekolah Rendah Eunos
Nazarudin Abdul Bakar, Sekolah Menengah Bedok View
Rahmat Subadah, Pusat Bahasa Melayu Singapura

Catatan

Cerita yang terkandung dalam buku ini tiada kaitannya dengan sesiapa baik yang masih hidup atau pun yang sudah meninggal dunia. Pendapat dan pandangan penulis tidak semestinya mencerminkan pendapat dan pandangan Pusat Bahasa Melayu Singapura.

Sekapur Sirih

Rahsia merupakan antara koleksi cerpen yang dihasilkan oleh kumpulan guru peserta program penyerapan ke Pekanbaru, Riau, Indonesia pada tahun 2016. Cerpen ini dihasilkan bagi menggalakkan pelajar agar minat membaca khususnya dalam kalangan pelajar Menengah 1 dan 2.

Penyediaan bahan bacaan yang berkualiti amat penting untuk memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar. Melalui bahan bacaan yang luas dan pelbagai, pelajar mampu meluaskan pengetahuan, kosa kata dan pandangan mereka tentang kehidupan.

Oleh itu, tema yang dipaparkan dalam cerpen-cerpen ini pelbagai bagi memenuhi kematangan dan cita rasa pelajar yang disasarkan. Bahasa yang digunakan pada umumnya mudah difahami. Namun terdapat usaha untuk meluaskan kosa kata pelajar memperkenalkan beberapa perkataan yang mampu memperkaya kosa kata mereka. Cerpen-cerpen ini juga mengandungi unsur-unsur nilai bagi membina sahsiah, jati diri dan memupuk nilai-nilai kemanusiaan sejagat.

Diharapkan **Rahsia** akan menjadi pemangkin kepada keinginan untuk memupuk budaya membaca dalam kalangan pelajar.

Selamat membaca!

Mohamed Noh Daipi

Pengarah, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Akademi Guru Singapura
Kementerian Pendidikan Singapura

Prakata

Koleksi cerpen ini dihasilkan oleh para guru yang terlibat dalam Program Penyerapan bagi Guru Kanan ke Pekanbaru pada Mei 2016. Projek penulisan cerpen ini dilaksanakan bagi menggalakkan dan memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar.

Pelbagai tema dikupas bagi meningkatkan kesedaran pelajar tentang kehidupan. Antara tema yang dikupas dalam cerpen ini termasuklah tema kesabaran, pengorbanan, keinsafan, saling membantu, perjuangan, kasih sayang dan pencemaran alam.

Beberapa idea pengajaran dan soalan-soalan perbincangan disediakan bagi setiap cerpen untuk menggalakkan perbincangan dalam kalangan pelajar. Beberapa strategi bagi meningkatkan penglibatan pelajar dalam pembelajaran semasa membaca cerita turut diperkenalkan.

Selain itu, nilai-nilai yang dipaparkan dalam setiap cerpen diharapkan dapat membangun jiwa insan pelajar kita dan mengukuhkan jati diri mereka sebagai pengguna bahasa Melayu yang berkesan.

Semoga buku ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dan menjadi bahan bacaan yang menyeronokkan bagi pelajar.

Sekian.

Rahmat Subadah
Guru Pakar, Pusat Bahasa Melayu Singapura
Ketua projek pembinaan koleksi cerpen **Rahsia**

RAHSIA

Nazarudin Abdul Bakar

Hujan turun. Langit diterangi sesekali oleh kilat yang disusuli guruh. Aku menangis di dalam kamar seorang diri. Juraian air mata mengalir lalu meleleh di lurah pipiku.

Nenek sedang bertengkar dengan seorang lelaki yang berusia dalam lingkungan 50-an tahun. Terdengar beberapa kali namaku disebut-sebut. Lelaki itu cuba menghampiriku tetapi nenek beberapa kali menghalangnya. Apabila dia melihatku sedang menangis terisak-isak, lelaki itu pun beredar dari situ.

Aku terjaga daripada tidurku. Ah, rupanya hanya sebuah mimpi. Mentari pagi menyorok di celah-celah kabus. Cahayanya yang keemas-emasan menyerap

embun yang kelihatan seperti manik-manik putih melekat di hujung rumput. Fikiranku **berkecamuk** ekoran mimpi tadi.

Aku menutup mataku apabila teringat mimpiku itu. Mimpi yang sama berulang sejak aku kecil. Aku tidak pernah faham apakah erti mimpiku itu, tetapi ia **menghantui** fikiranku. Tiba-tiba, Nenek masuk ke bilikku. Senyuman mesra terukir di bibirnya.

“Syima sudah bangun?” tanya Nenek dengan suara yang lembut.

Aku mengangguk-angguk kepala. Aku tidak mahu berfikir panjang tentang mimpiku itu. Walaupun aku pernah menceritakan kepada Nenek tentangnya, Nenek selalu memarahiku dan berkata bahawa mimpiku itu karut. Sejak itu, aku tidak lagi menceritakan kepada Nenek walaupun mimpiku itu selalu mengganggu malamku.

Aku tersenyum dan terus mencapai tuala biruku lalu mengorak langkah ke bilik mandi. Selepas makan, aku mengikut Nenek ke gerainya.

Pada hari-hari aku tidak bersekolah, aku harus membantu Nenek di gerai kuihnya. Nenek telah menjagaku sejak kecil. Hubungan kami rapat. Aku hanya punya seorang Nenek. Di mana ayah dan ibuku? Jika ditanyakan kepada Nenek, seringkali nenek menghindari soalan itu. Jawapan yang Nenek berikan ialah Ibu dan Ayahku sudah tiada lagi di dunia ini akibat kemalangan jalan raya walaupun Nenek tidak pernah menunjukkan pusara mereka. Hati kecilku berasa ada sesuatu rahsia yang Nenek simpan daripadaku tentang ibu bapaku.

Ah, Sudahlah! Aku pun tidak mahu terlalu memikirkan hal itu kerana akhirnya aku juga yang akan menjadi hiba.

Apabila kami tiba di gerai, kami terlihat seorang lelaki duduk di depan pintu gerai Nenek. Hati kecilku berbisik. Oh Tuhan, datang lagi lelaki ini ke gerai Nenekku. Aku

memegang lengan Nenek kuat-kuat apabila lelaki itu cuba mendatangi kami. Nenek menolakku ke belakangnya. Dengan cepat, Nenek menyuruh aku masuk ke dalam gerainya. Nenek turut masuk ke dalam gerainya lalu mengunci pintu. Lelaki itu **membuntut** nenek dari belakang.

Setibanya di muka pintu, dia pun mengetuk sambil memanggil nama Nenek, "Mak Jah...Mak Jah! Buka pintu ni."



Nenek terus membuka pintu lalu meninggikan suaranya. "Apa lagi yang engkau nak. Bukankah engkau sudah menyerahkan dia kepada aku. Sudahlah jangan ganggu hidup kami lagi. Kami sudah cukup bahagia," tegas Nenek.

"Tapi Mak Jah, dia anak saya. Memang dulu saya susah. Sekarang ini, saya sudah mampu. Berilah saya peluang untuk **menebus** segala kesalahan saya kepadanya," jelas lelaki itu.

"Saya akan terus datang cari Mak Jah selagi Mak Jah tak mengizinkan."

Aku mendengar pertengkaran mereka. Hatiku diusik seribu pertanyaan. Siapakah anak kepada lelaki itu yang disebutkannya kepada Nenek tadi? Setahu aku, hanya aku dan Nenek yang tinggal sebumbung. Jangan-jangan akukah yang dimaksudkan? Fikiranku menjadi celaru. Seandainya hal itu benar, mengapa Nenek tidak pernah menceritakan hal tersebut kepadaku? Mengapa pula

aku disisihkan daripada keluarga?

Lelaki itu melihat ke arahku kemudian dia terus berlari pergi. Aku memandang Nenek. Nenek menggosok-gosok dadanya. Pasti ada sesuatu yang **menggusarkan** Nenek. Beberapa hari selepas itu, aku tidak melihat lelaki itu lagi. Aku diberitahu Nenek yang nama lelaki itu ialah Encik Ahmad. Itu sahaja yang Nenek beritahu.

Aku mengorak langkah pulang dari sekolah. Di sekolah, Cikgu telah memberitahu bahawa aku belum membayar yuran sekolah. Aku mengeluh. Bibit-bibit kebimbangan mula bergumpal dalam hatiku. Aku tahu bahawa Nenek bekerja keras untuk kami berdua. Walaupun tidak pernah Nenek nyatakan, aku sedar aku banyak menimbulkan masalah buatnya. Lebih-lebih lagi soal duit.

Apabila tiba di gerai, langkahku terhenti. Di hadapan gerai, Encik Ahmad tercegat. Di sebelahnya berdiri seorang wanita yang memakai pakaian pejabat. Wanita itu memperkenalkan dirinya sebagai Puan Maria.

“Mak Jah, saya mewakili keluarga Encik Ahmad. Ini ada surat perintah Mahkamah Keluarga yang mengesahkan bahawa Encik Ahmad, Ayah kandung Norsyima Bte Ahmad diberikan hak sepenuhnya untuk mengambil Norsyima pulang ke pangkuannya.”



Nenek terus terduduk di kerusi sambil menggenggam erat surat perintah tersebut. Air mata mula mengalir di pipinya. Kegelisahan dan keraguan yang dibebani selama ini ternyata menjadi kenyataan.

Aku terpinga-pinga dibuatnya. Aku tidak tahu apa yang harus aku lakukan. Penjelasan daripada peguam itu tadi membuatkanku terpaku.

"Syima, mulai hari ini, kamu harus ikut Ayah kandung kamu Encik Ahmad. Dialah **waris** kamu yang sah bukannya Mak Jah," kata Puan Maria.

Aku terus memeluk Nenek. Air mataku jatuh berjuraian tanpa henti. Aku mendakapnya dengan erat. Nenek menangis sambil mencium pipiku berkali-kali.

"Syima pergilah. Nenek tak apa-apa. Nenek sentiasa ada di sini. Ya, memang betul kata Puan Maria. Encik Ahmadlah Ayah kandung Syima. Nenek sengaja rahiaskan hal ini, takut pelajaranmu terganggu. Sekarang Syima sudah tahu siapa dirimu sebenar. Pergilah..."

Seraya itu, Nenek terus melepaskan genggaman tangannya. Aku dengan berat hati melangkah pergi. Berkali-kali aku menoleh ke belakang. Nenek menutup

wajahnya dengan kedua-dua belah tapak tangannya seolah-olah tidak mahu melihatku sama sekali. Aku tahu Nenek benar-benar hiba.



Ketika berada di dalam kereta Ayah, aku hanya berdiam diri. Tetapi fikiranku tetap pada Nenek. Pelbagai persoalan bermain di mindaku. Mengapa Ayah memberikan aku kepada Nenek? Mengapa baru sekarang Ayah mahu mengambilku? Mengapa sejak aku masih kecil lagi Ayah tidak pernah menampakkan mukanya? Ibu? Ibu pula siapa? Bolehkah aku terima

mereka walaupun mereka Ayah dan Ibu kandungku? Bagaimana pula dengan hidup Nenek? Apa akan jadi padanya? Di dunia ini hanya akulah harta yang dimilikinya. Patutkah aku tinggalkan Nenek begitu sahaja? Atau haruskah aku lari sahaja daripada keluargaku ini untuk bersama dengan Nenek?

"Ya Tuhan, Engkau telah membuka segala rahsia yang tersembunyi selama ini tentang diriku. Kurniakanlah aku **hidayah** dan kekuatan untuk mengharungi semua ini dengan tabah. Berikanlah aku jalan yang terbaik agar aku dapat membahagiakan semua orang, lebih-lebih lagi Nenek. Bantulah aku."

Renungan

Agak sukar untuk seseorang menyimpan rahsia atau kebenaran. Lambat-laun rahsia atau kebenaran itu akan terbongkar juga.

Apakah renungan kamu mengenai watak Ayah dalam cerpen ini?

Glosari

1. **berkecamuk** – menjadi-jadi, menjadi hebat, merajarela
2. **menghantui** – menggangui fikiran, mengusik jiwa
3. **membuntut** – mengikuti atau mengekori seseorang daripada belakang
4. **menebus** – melakukan sesuatu untuk membayar semula, membeli kembali, membala jasa
5. **enggusarkan** – menyebabkan marah
6. **waris** – orang yang berhak menerima, penjaga atau wali
7. **hidayah** – petunjuk daripada Tuhan

SEKALUNG BUDI

Akar keladi melilit selasih,
Selasih tumbuh di hujung taman;
Kalungan budi junjungan kasih,
Mesra kenangan sepanjang zaman.

Terima kasih diucapkan kepada Pusat Bahasa Melayu Singapura yang telah menyediakan wadah bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua guru yang telah menyumbangkan karya cerpen mereka dalam penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Terima kasih juga kepada Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu atau MLLPC kerana telah mentauliahkan program penyerapan bagi Guru Kanan bahasa Melayu Singapura dan membolehkan para guru mengikuti program penyerapan yang mencetuskan idea bagi penerbitan koleksi cerpen **Rahsia**.

Dan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau pun tidak dalam penerbitan dan lahirnya koleksi cerpen **Rahsia** sebagai wadah dan bahan bacaan bagi pelajar di sekolah menengah di Singapura.



Ministry of Education
SINGAPORE

